

# BAB SATU

## PENGENALAN

### 1.0 Pendahuluan

Banyak kajian yang telah dilakukan bagi mempelajari bahasa sasaran (B2), diantaranya ialah melalui kajian analisis kontrastif. Matlamat dan tujuannya ialah agar pelajar berbahasa ibunda mengenal secara pasti aspek persamaan dan perbezaan di antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Dalam pendahuluan ini, penulis akan membincangkan beberapa topik iaitu: latar belakang kajian, masalah kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian berkaitan, metodologi kajian, bidang kajian, batasan kajian dan kerangka kajian.

### 1.1 Latar belakang Kajian

Banyak sekali bahasa yang dituturkan oleh manusia, sama ada di dalam satu rumpun atau berlainan rumpun. Secara amnya di antara bahasa-bahasa tersebut terdapat aspek persamaan, di samping aspek perbezaannya. Persamaan ciri di antara bahasa-bahasa itu, sudah tentu, akan memudahkan pelajar mempelajari bahasa kedua atau sasaran (B2), sedangkan perbezaannya akan dirasakan sebagai suatu kesukaran, yang dirasakan oleh pelajar apabila dia menuturkannya ataupun menulis.

Menyedari hakikat itu, maka para pakar bahasa dan ahli linguistik telah berusaha untuk mengkaji kesukaran-kesukaran dalam mempelajari (B2), di

antaranya adalah melalui kajian *analisis kontrastif*. Tujuannya ialah untuk mengetahui persamaan dan perbezaan di antara bahasa ibunda (B1) dan bahasa sasaran (B2). Dengan mengetahui persamaan dan perbezaan tersebut diharapkan dapat memudahkan pelajar dalam mempelajari (B2). Dengan kata lain, berbagai-bagai kesukaran dan kesilapan dalam mempelajari dan menuturkan (B2) yang biasa dirasakan oleh para penutur atau pelajar bahasa ibunda dapat diatasi. Muḥammad al-Khulīy (1986:23) dalam bukunya *Mu'jam 'Ilm al-Lughat al-Taqābulīy* mendefinisikan:

تَحْلِيلٌ لُّغَوِيٌّ يَهْدِفُ إِلَى كَشْفِ وَجْهِهِ الْإِخْتِلَافِ بَيْنَ لُغَةِ الْأُمِّ وَلُغَةِ الْأَجْنَبِيَّةِ، وَخَاصَّةً فِي الْمَجَالَاتِ الصَّوْتِيَّةِ وَالنَّحْوِيَّةِ وَالصَّرْفِيَّةِ لِلِاسْتِفَادَةِ مِنْ ذَلِكَ فِي تَعْلِيمِ اللُّغَةِ الْأَجْنَبِيَّةِ.

*Maksudnya: Kajian analisis kontrastif adalah satu analisis bahasa yang bertujuan untuk mengetahui aspek persamaan dan perbezaan di antara bahasa ibunda (B1) dan bahasa asing (B2), terutamanya dari segi fonetik, sintaksis, morfologi, yang bertujuan untuk memudahkan mempelajari bahasa asing (B2).*

Seperti yang telah dikatakan di atas bahawa kesukaran-kesukaran dan kesilapan-kesilapan yang dirasakan oleh penutur (B1) itu mulai timbul sewaktu mereka menuturkan atau menulis (B2). Demikian itu, kerana mereka sudah terbiasa dengan pola-pola (B1), sehingga dalam proses mempelajari (B2) pun mereka cenderung memindahkan pola-pola tersebut ke dalam pola-pola (B2). Kemungkinan sebegini, antaranya telah dikaji oleh Robert Lado (1957), dalam bukunya *Linguistics Across Cultures*. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa dalam proses mempelajari (B2) seorang pelajar cenderung memindahkan pola-pola (B1) ke dalam (B2). Kecenderungan ini merupakan salah satu kesukaran yang mereka rasakan. Andaian asas dalam kajian analisis

kontrastif ini bahawa aspek persamaan akan memudahkan pelajar (B2), sementara aspek perbezaan akan menjadi kesukaran kepada mereka.

Kalau kita kembali kepada sejarah, kajian perbandingan bukanlah merupakan satu kajian yang baharu, tetapi telah dilakukan sejak beberapa abad yang lalu. Kajian ini telah membuktikan bahawa bahasa-bahasa memiliki hubungan kerabat sejak lahirnya 'Īsā al-Māsiḥ. Maḥmūd Jād al-Rabb (1985: 58) mengatakan bahawa "Hubungan di antara bahasa-bahasa berlaku sejak abad pertama lahirnya 'Īsā al-Māsiḥ (a.s). Menurutnya, kajian-kajian bahasa yang telah dilakukan itu mengungkapkan hubungan fenomena - fenomena di antara berbagai-bagai bahasa". Ṣubḥīy al-Ṣāliḥ (1978) pula mengatakan bahawa "Sejak zaman dahulu lagi para linguist Arab telah membuat kajian perbandingan di antara dialek-dialek BA, dengan menjelaskan aspek persamaan dan perbezaannya". 'Abd al-Mun'īm al-Kakūrīy (1986:9) mengatakan bahawa "Kajian perbandingan bahasa-bahasa telah dilakukan oleh linguist Arab sejak dahulu kala, demikian ini kerana terjadinya pengaruh bahasa terhadap bahasa-bahasa yang lain, di samping fenomena pinjam-meminjam di antara bahasa-bahasa tersebut, seperti yang berlaku di antara bahasa Arab (BA) dengan bahasa Parsi (BP), Turki, Habsyah, Rom, dan sebagainya . . .". Linguist Arab terkemuka, Sibawayh (1983 : 302-305), dalam bukunya *al-Kitāb*, mengatakan:

إِعْلَمَ أَنَّهُمْ مِمَّا يُغَيَّرُونَ مِنَ الْحُرُوفِ الْأَعْجَمِيَّةِ مَا لَيْسَ مِنْ حُرُوفِهِمْ

الْبَتَّةَ، فَرُبَّمَا أَلْحَقُوهُ بِنَاءِ كَلَامِهِمْ"

*Maksudnya: Ketahuilah bahawa mereka dalam penuturannya kadang-kadang menggunakan huruf-huruf 'ajam (bukan huruf Arab). Huruf-huruf tersebut bukan merupakan huruf bahasa mereka (Arab), tetapi kadang-kadang digunakannya dalam penuturan mereka).*

Aḥmad Mukhtār (1988:33) mengatakan bahawa “Ibn Bārūn telah melakukan kajian perbandingan sejak kurun keempat Hijrah. Beliau telah membuat kajian perbandingan di antara BA dan bahasa Hiblew (BH), BA dan bahasa Siryān (BS) dari segi perkataan dan nahu kedua-dua bahasa tersebut, serta menjelaskan persamaan dan perbezaanya”. Ṣalāḥ al -Dīn Ṣāliḥ Ḥusayn (1984:59) pula, mengatakan dalam bukunya bahawa “Setelah kajian geografi dilakukan di Eropah, didapati beberapa bahasa yang tidak diketahui asal-usul rumpunnya, sehingga akhirnya para linguist menumpukan kajian-kajian mereka terhadap bahasa”. Dalam kaitan ini pula linguist Arab terkemuka, ‘Abduḥ al-Rājiḥīy (t.t: 13), dalam bukunya *Fiḥ al-Luḡat fi al-Kutub al-‘Arabiyyat*, mengatakan bahawa “pada tahun 1786 Sir W.Jones, seorang hakim di Mahkamah Tinggi Bulgaria mengatakan: “ bahawa bahasa Sanskrit (BS), bahasa Yunan (BY) dan bahasa Latin (BL), berasal daripada satu rumpun. Menurutnyā, sebelum kajian ini dibuat, kajian yang serupa juga telah dilakukan oleh *Pere Coston Laurent Coerdodouk* pada tahun 1767 (*Ibid.*).

Sejak kurun pertengahan sehingga kurun sembilan belas, para linguist menumpukan kajiannya kepada dua bahasa, iaitu Yunani dan Latin. Pada waktu yang sama pula mereka memfokuskan kajiannya terhadap bahasa-bahasa asing, sehingga pada saat itu kajian perbandingan bahasa telah dilakukan oleh D. Jenisch, iaitu ketika Akademik bahasa German mengumumkan pemberian

ganjaran bagi sesiapa yang membuat karya tulis mengenai *cara yang terbaik dalam pengajaran bahasa*. Oleh itu, pada tahun 1796 beliau menulis sebuah buku yang berjudul: *Philosophisch-kritisch Vergleichung und Würdigung von vierzehn altern und neuern Sprachen Europas*. Seterusnya pada tahun 1957, Robert Lado, seperti yang telah dikatakan di atas, telah menerbitkan sebuah buku yang bertajuk *Linguistics Across Cultures*. Buku tersebut merupakan asas bagi perkembangan analisis kontrastif linguistik. Di antara kandungannya, Lado memetik pendapat Charles Fries” yang telah menerapkan ilmu linguistik dalam pengajaran bahasa Inggeris (B1). Beliau mengatakan bahawa teori yang baik bagi mempelajari bahasa sasaran (B2) ialah teori yang menjelaskan ciri-ciri persamaan dan perbezaan di antara bahasa sasaran (B2) dan bahasa ibunda (B1). Robert Lado menambahkan bahawa mudah atau sukarnya bagi pelajar bahasa sasaran ialah bergantung kepada hasil kajian perbandingan di antara bahasa ibunda dan bahasa sasaran (*Ibid.*, 3). Tidak ketinggalan pula Maḥmūd Fahmī Hījāzīy (1973:41) mengatakan bahawa pusat kajian bahasa di seluruh dunia, terutamanya Jepun, telah menumpukan perhatiannya terhadap kajian perbandingan. Terbukti bahawa pada alaf baru ini kajian tersebut sentiasa mendapat perhatian di pelbagai agenda muktamar antarabangsa. Di samping itu, kajian dilakukan juga di Nadi-Nadi (Club) bahasa dan di berbagai-bagai lembaga bahasa . Pada tahun 1969, Georgetown University telah melakukan kajian analisis kontrastif dan hubungannya dengan pendidikan (Gerhard Nickel, 1971:3). Kajian yang sama juga dilakukan di University Menhelm pada tahun 1969, yang mengkaji masalah yang berkenaan dengan linguistik bahasa German (BG). Pada tahun 1975, Yūsuf Halisīy (1976: 449) mengatakan bahawa pada akhir tahun 1975 telah diadakan muktamar di Roma, yang agenda

utamanya ialah kajian kontrastif. Sumber yang sama pula mengatakan bahawa muktamar yang telah diadakan telah membuahkan hasil yang memuaskan bagi warga Rom ketika mereka mempelajari bahasa Inggeris (BI) atau bahasa sasaran (B2) (*Ibid.*, 447). Beliau menambahkan bahawa di Rom terdapat berbagai-bagai aktiviti peringkat National yang mengkaji linguistik kontrastif bahasa-bahasa, seperti kajian perbandingan di antara bahasa Yugoslavia (BY) dengan bahasa Inggeris (BI), Belanda dengan Inggeris (BI), Bulgaria dengan Inggeris (BI), Sued dengan Inggeris (SI), Rom dengan Inggeris (RI), dan Hungari dengan Inggeris. Kajian-kajian tersebut dilakukan oleh para linguist dan pelajar-pelajar tempatan, mereka masing-masing mengkaji fenomena-fenomena tertentu pada suatu bahasa bagi menghasilkan kajian perbandingan yang memuaskan.

Kajian analisis kontrastif pada akhir-akhir ini mendapat perhatian yang luas di kalangan ahli bahasa dan linguistik. Maḥmūd Ḥijāzīy (1973:20) mengatakan :*Tidak sedikit bahasa telah dibandingkan yang melibatkan dua rumpun yang berbeza, seperti perbandingan bahasa Perancis dengan bahasa Arab (PA), bahasa Inggeris dengan bahasa Arab (IA), bahasa Hibrew dengan bahasa Arab (HA), dan lain sebagainya. Akan tetapi apabila perbandingan kedua-dua bahasa itu dalam satu rumpun, maka ia dikenali sebagai \*Ilmu al-lughat al-muqārīn (Comparative Linguistics).*

Berasaskan pendapat-pendapat di atas, penulis melihat pentingnya melakukan satu kajian perbandingan di antara bahasa– bahasa. Dalam hal ini, penulis melakukan kajian perbandingan di antara kata nama (BA) dan (BM)

dari aspek morfologi . Tambahan lagi, kajian ini belum mendapat perhatian yang luas daripada kalangan pengkaji bangsa Melayu, baik di dalam negara mahupun di luar negara. Selain daripada itu, kajian ini sangat sesuai dengan situasi dan kemajuan yang telah dicapai oleh warga dan bangsa Malaysia bagi memperlihatkan satu perkembangan dan peningkatan minat dalam mempelajari bahasa asing, khususnya BA.

BA telah memberi sumbangan yang sangat bererti dalam memperkayakan perbendaharaan BM, sehingga menjadikannya sebagai bahasa pengantar utama dalam penulisan Islam di Nusantara. Begitu pula cara penulisannya, terutamanya pada masa silam, menggunakan tulisan Arab, yang kemudiannya disebut tulisan Arab-Melayu (Jawi), yang merangkumi 28 abjad Arab dan 6 abjad tambahan. Oleh itu, BA dan tulisan Arab-Melayu, pada hakikatnya bukan perkara yang asing lagi bagi masyarakat Melayu, terutamanya setelah Islam berkembang di alam Melayu beberapa abad yang lampau (Lht:Raja Mukhtaruddin 1982:51 ).

Jadi, wajarlah jika BA telah dijadikan sebagai bahasa pengantar di sebahagian pusat pengajian Islam di universiti tempatan. Namun demikian, harus diakui bahawa berbagai-bagai kesukaran bagi para pelajar Melayu dalam mempelajari BA. Kenyataan ini memerlukan perhatian yang serius melalui satu penyelidikan secara sistematik, khususnya yang berkenaan dengan kata nama kedua-dua bahasa BA dan BM melalui pendekatan morfologi.

Kedua-dua bahasa yang akan diperbandingkan itu, sudah tentu menggunakan bahasa standard atau rasmi. Bagi BA, bahasa standard itu seperti bahasa al-Quran, bahasa al-Hadīth dan seumpamanya. Sedangkan bagi BM seperti yang lazim digunakan pada teks ilmiah, akhbar, jurnal dan urusan rasmi.

Walaupun kajian analisis kontrastif mengalami kemajuan yang pesat, tidak bererti bahawa teori ini tidak ada kritiknya. Sudah menjadi tradisi dan kelaziman apabila teori baru ditemukan, maka akan ada reaksi daripada kalangan linguist yang tidak sependapat terhadap teorinya. Bagi yang tidak sependapat mereka akan memberikan kritikan-kritikan bagi memastikan kesahihan teori yang mengatakan bahawa kesukaran yang dihadapi oleh para pelajar ketika mempelajari bahasa sasaran (B2) ialah kerana mereka tidak mengetahui pola persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut. Kaedah analisis kontrastif itu mengutamakan persamaan dan perbezaan di antara (B1) dan (B2) dengan gangguan interlingual, tanpa menitikberatkan faktor-faktor lain yang menjejaskan performa para pelajar. Walaupun manfaat dan faedah teori tersebut tidak dapat dinafikan, namun pertanyaan yang banyak dilontarkan oleh kalangan analisis linguist lain ialah sejauh manakah peranannya dalam mempelajari bahasa sasaran?. Banyak kesukaran yang dirasakan oleh pelajar bahasa sasaran, (B2) bukan hanya sebab tertentu yang diramalkan oleh teori analisis kontrastif yang menitikberatkan persamaan dan perbezaan diantara (B1) dan (B2) sebagai punca kesukaran pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran sahaja. Oleh sebab tu, sejumlah kritikan dari kalangan linguist analisis kesilapan (*error analysis linguist*) akan muncul. Mereka mengatakan bahawa pengaruh sistem nahu bahasa ibunda bukan merupakan sebab yang

mengakibatkan berlakunya kesalahan pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran (B2). Masih banyak faktor lain yang tidak pernah diramalkan oleh linguis analisis kontrastif mengenai kesukaran pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran (Lihat, Corder, 1973: 90.) Tokoh linguis Arab yang cukup terkenal, Isma'īl Şinnīy (1982: W-H), mengatakan: “ Kerana teori tersebut sebatas ramalan, maka amat tidak tepat untuk mengatasi kesukaran dan kesilapan bagi pelajar bahasa sasaran (B2) hanya menitikberatkan teori analisis kontrastif sahaja. Teori ini dalam ilmu jiwa (*psychology*) disebut *linguistic interference* (*al- Tadākhkhul al-Lughawīy*) dari satu bahasa ke dalam bahasa yang lain. Banyak bukti telah menunjukkan kesukaran yang dirasakan oleh pelajar ketika mempelajari bahasa sasaran (B2). Kesukaran-kesukaran tersebut tidak pernah dikaji dan difikirkan oleh linguis kontrastif, seperti faktor sistem pengajaran, perkembangan bahasa, pola-pola bahasa dan sebagainya. (Lit, Corder, 1970:90.) Faktor-faktor ini juga mempunyai pengaruh yang kuat terhadap masalah yang dirasakan oleh pelajar bahasa sasaran (B2).

Richards (tt: 15) mengatakan bahawa terdapat banyak kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar bahasa Inggeris (BI) yang datang dari latar belakang yang berbeza. Kesilapan-kesilapan tersebut bukan disebabkan gangguan pola-pola (BI), tetapi oleh faktor-faktor berikut:

- (1) Generalisasi melampau (*over generalization*).
- (1) Kejahilan tentang sekatan peraturan (*ignorance of rulesres restrictions*)
- (3) Penggunaan peraturan secara tidak sempurna (*incomplete application of rules*)
- (4) Andaian salah konsep (*false conscepts hypothesised*).

Contoh-contoh yang dikatakan oleh Richards jelas menunjukkan bahawa sebahagian besar kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dalam mempelajari (B2) bersifat intralinguistik dan bukannya interlinguistik. (Lihat, Jack. C. Richards, 1974) dalam bukunya: *A Non Contrastive Approach to Error Analysis*.

Jacquelyn Schacter (1982:198-199) mengatakan:

*Para linguist kontrastif telah berlebihan dalam menanggapi ramalan-ramalan yang akan dialami oleh pelajar-pelajar bahasa asing. Sebenarnya kebanyakan kesilapan pelajar dalam mempelajari bahasa sasaran bukan kerana faktor pengaruh bahasa ibunda, tetapi kerana mereka tidak menggunakan cara yang sistematik dalam mempelajari bahasa sasaran, di samping pengaruh unsur-unsur persamaan dan perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut.*

Tegasnya, masih banyak lagi kritikan dari kalangan linguist lain yang dilontarkan terhadap teori analisis kontrastif yang tidak perlu dihuraikan secara keseluruhan dalam kajian ini. Penulis sendiri mengakui bahawa terdapat faktor-faktor lain yang tidak diramalkan sebelumnya oleh analisis kontrastif, seperti generalisasi melampau (B2), atau kejahilan terhadap rumus-rumus (B2). Bahkan gangguan bukan sahaja disebabkan oleh faktor bahasa ibunda, tetapi juga mungkin datang dari dialek lain yang diketahui atau sedang dipelajari oleh penutir bahasa yang sedang dikaji itu. Kesalahan jenis ini tidak diperolehi di dalam data perolehan (B2). Jadi, kritikan yang dilontarkan oleh para linguist lain kepada analisis kontrastif itu memang tidak dapat dinafikan seratus peratus. Walaupun demikian, harus pula diakui bahawa teori kajian tersebut juga sangat banyak faedahnya dalam bidang pendidikan, terjemahan, dan sebagainya. Kenyataan tersebut diperkuat oleh berbagai-bagai kajian yang terus menerus dilakukan baik berupa tesis, agenda muktamar bahasa dan linguistik, atau karya ilmiah lainnya

Bagi penulis, selama analisis kontrastif itu memberi sumbangan terhadap keberhasilan pengajaran atau pembelajaran bahasa sasaran, sepatutnya ia dihargai. Sebab, sebagaimana yang telah dikemukakan sebelumnya bahwa kedua-dua bahasa yang tidak serumpun yang akan diperbandingkan itu, selain mempunyai persamaan dalam pola, juga terdapat perbezaan dalam pola. Mungkin persamaan dan perbezaan itu ada yang ketara dan ada juga yang halus. Kenyataan ini, sudah tentu dapat mempermudah dan menyukarkan untuk mempelajarinya.

## **1.2 Masalah Kajian**

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalkan persamaan dan perbezaan KN BA dan BM. Demikian itu kerana terdapat pelbagai sebab-sebab yang mengakibatkan kesukaran dalam pembelajaran bahasa Arab di kalangan penutur BM. Sebab yang utama adalah pengaruh bahasa ibunda para penutur yang cuba memindahkan bentuk dan struktur bahasa natif atau bahasa ibunda ke dalam bahasa kedua yang akan mengakibatkan pembelajaran bahasa kedua menghadapi pengaruh yang kuat daripada struktur bahasa natif, kerana para pelajar tidak berupaya untuk menghindari diri mereka daripada proses linguistik bahasa natif mereka. Hal ini seperti yang di katakan oleh Gurvey (1956:34) yang telah menjalankan kajian terhadap pengajaran bahasa Inggeris di Hungary, Finland dan Norway.

Berdasarkan huraian yang telah dikemukakan di atas, maka dapatlah dirumuskan masalah-masalahnya sebagai berikut:

1. Bagaimana bentuk dan pola-pola kata nama dari tinjauan morfologi yang digunakan dalam BA dan BM?
2. Apa persamaan dan perbezaan kata nama dalam BA dan BM menurut pendekatan tersebut?

Kedua-dua masalah tersebut akan cuba untuk dijawab melalui huraian yang akan dibentangkan dalam bab-bab yang akan datang.

### 1.3 Objektif kajian

Kajian ini merupakan satu percubaan mengenai cara perbandingan yang sistematik yang bertujuan untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan kata nama BA dan BM mengikut pendekatan morfologi. Mudah-mudahan sedikit sebanyak akan memberikan kesan yang positif kepada pelajar bahasa sasaran. Tegasnya, kajian ini akan menitikberatkan perkara-perkara seperti berikut:

1. Menjelaskan perbandingan pola-pola kata nama berdasarkan pendekatan morfologi kedua-dua bahasa (BA dan BM).
2. Menjelaskan unsur persamaan dan perbezaan kata nama kedua-dua bahasa (BA dan BM) mengikut ketentuan di atas.
3. Memudahkan pelajar dalam memahami kata nama dalam BA dan menterjemahkannya ke dalam BM, atau sebaliknya.

Melalui hasil kajian ini diharapkan juga ia dijadikan sebagai satu standard dan rujukan kepada:

- 1- Sesiapa sahaja yang mempelajari atau mengajar BA, terutamanya di kalangan masyarakat Melayu. Kajian

perbandingan ini dapat digunakan sebagai suatu sistem yang lebih berkesan kepada pelajar.

2-Penulis-penulis teks, boleh menjadikannya sebagai suatu rujukan yang mudah difahami oleh pembaca

3-Para pelajar yang mempelajari bahasa kedua, diharapkan agar memahami sistem perbandingan ini, sehingga mudah bagi mereka untuk mempelajari bahasa sasaran tersebut.

4-Para penterjemah buku atau pihak-pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembelajaran atau pengajaran BA khususnya dan bahasa-bahasa asing lainnya.

Mempertimbangkan matlamat-matlamat di atas, baik pengajar mahupun pelajar yang mengajar dan mempelajari bahasa asing supaya dapat membezakan hal-hal yang serupa yang terdapat pada kedua-dua bahasa tersebut, sehingga dalam proses kajiannya mudah di faham oleh orang lain. Muḥammad Fahmīy Ḥjāzīy (1973: 41) mengatakan:

مَوْضُوعُ الْبَحْثِ فِي عِلْمِ اللُّغَةِ التَّقَابِلِيَّ هُوَ الْمُقَابَلَةُ بَيْنَ لُغَتَيْنِ اثْنَتَيْنِ أَوْ  
هُجَّتَيْنِ اثْنَتَيْنِ. . . . وَيَهْدَفُ عِلْمُ اللُّغَةِ التَّقَابِلِيُّ إِلَى إِثْبَاتِ الْفُرُوقِ بَيْنَ  
الْمُسْتَوِيِّينَ.

*Maksudnya: Tujuan kajian linguistik kontrastif ialah membandingkan dua bahasa atau lajhat/dialek, yang maksudnya bagi mengetahui perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua bahasa tersebut.*

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Kajian penyelidikan analisis kontrastif aspek KN BA dan BM diharapkan dapat dijadikan sebagai satu sumber rujukan dan maklumat kepada guru-guru yang terlibat dalam pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran dan kepada pelajar-pelajar yang berbahasaibundakan bahasa Melayu / Indonesia serta kepada penulis-penulis buku teks dan pihak-pihak yang berminat .

Penyelidikan ini diharapkan akan menambahkan satu maklumat dalam mengatasi masalah dan kesukaran pengajaran, pembelajaran dikalangan pelajar-pelajar Melayu khosnya dan pelajar-pelajar lain amnya ketika mempelajari bahasa Arab. Di samping itu mudah-mudahan kajian ini dapat menyumbangkan ke arah perancangan penulisan bahan-bahan pegajaran berdasarkan prinsip-prinsip Linguistik. Dengan kata lain, melalui kajian ini diharapkan dapat mengenal pasti daerah-daerah yang mungkin menimbulkan kesukaran-kesukaran dan kesilapan-kesilapan, yang mudah-mudahan hasil daripada kajian ini dapat dijadikan sebagai satu persediaan bagi memperhatikan sepenuhnya ke atas masalah-masalah kesilapan yang dianggap kerap dihadapi dan dilakukan oleh pelajar-pelajar BM ketika mempelajari bahasa Arab. Hal ini sengaja penulis nyatakan kerana kajian tentang perbandingan di antara BA dan BM masih belum mendapat sambutan yang cukup dari kalangan penyelidik, terutamanya di Fakulti Bahasa dan Linguistik di Universiti Malaya (UM), walaupun pengajian bahasa Arab telah diwujudkan di fakulti tersebut sejak lama lagi.

*Arabic Syntactic Errors: An Investigation Into the Written Composition of Malay.*

Iaitu tesis Ph.D oleh Abu Basyar Adam, di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Unifersiti Malaya (UM) 1998.

تحليل الأخطاء اللغوية لدى طلاب جامعة مالايا بماليزيا، دراسة وصفية تحليلية

*An Analysis on Error in the use of Arabic Language Among the University Malaya, Malaysia Student. Astudy in Analysis Decriptive.*

Iaitu tesis master oleh Mohd Bakhit Bin Hj. Ali di Fakulti Bahasa Dār-‘Ulūm Cairo Unifersity, 1998.

دراسة تقابلية بين اللغتين العربية والماليزيا على مستوى المركبات الاسمية

وَالوصفية والفعلية

*A Contrastive Study of Arabic and Malay Languages in Noun, Adjective and Verb Phrases.*

Iaitu tesis Master Oleh Mat Taib Bin Pa, di Fakulti Bahasa, University Jordan 1996.

*Pengendalian Kata Ganda dalam Kamus Dewan dan Kamus Besar Bahasa Indonesia, Satu Kajian Perbandingan.*

Iaitu; tesis Master, oleh Ibrahim bin Ahmad, di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya Kuala Lumpur 2000.

*Analisis Kontrastif Kata Bilangan dan Perjodoh Bilangan Di Antara Bahasa Malaysia dan Bahasa Jepun.*

Iaitu; tesis Master, oleh Aini Haji Aziz, di Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001.

Kajian yang penulis lakukan adalah kajian perbandingan di antara struktur kedua-dua bahasa BA dan BM dari aspek kata nama melalui pendekatan morfologi. Dengan perkataan lain, kajian ini sepenuhnya ditumpukan kepada kata nama dan mengacu pendekatan tersebut. Oleh yang demikian, mudah-mudahan kajian ini dapat menambah khazanah kajian yang telah ada, dan sekaligus dapat memberikan sumbangan keilmuan kepada para pelajar ketika mempelajari bahasa sasaran, khususnya BA.

## 1.6 Metodologi Kajian

Setiap bahasa mempunyai struktur dan sistem tersendiri, termasuk BA dan BM. Oleh itu, wajar jika setiap bahasa konsisten terhadap sistem dan aturannya sendiri. Apabila seseorang akan membandingkan persamaan dan perbezaan yang melibatkan dua atau lebih bahasa, maka kedua-dua sistem bahasa yang akan di bandingkan itu mesti dihuraikan dengan baik dari segi morfologinya secara am, kemudian dijelaskan persamaan dan perbezaannya.

Kajian yang penulis lakukan berasaskan pada prosedur analisis kontrastif yang ditulis oleh Robert Lado, dalam bukunya *Linguistics Across*

*Cultures* (1957). Lado telah menemukan satu sistem bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar bahasa asing dengan membuat suatu perbandingan sistematis di antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran melalui *sistem analisis struktural*. Sistem struktural ialah melakukan suatu kajian analisis kontrastif di antara dua atau lebih bahasa berdasarkan data daripada kedua-dua bahasa yang akan dibandingkan.

Dalam kajian ini penulis telah mendata kata **nama** daripada kedua-dua bahasa Arab dan Melayu, dengan menghuraikan struktur morfologinya, sesuai dengan aturan dan pola bahasa yang sedang dikaji dengan acuan *'Ilm al-Lughah al-Wasfiy (descriptive linguistics)*. Berdasarkan pada sistem struktural tersebut, bahasa diungkapkan secara struktur daripada unit-unit yang dijadikan aturan bagi bahasa tersebut.

## 1.7 Bidang Kajian

Kajian ini akan menghuraikan kata nama BA dan BM dari tinjauan morfologi. Kajian ini secara tidak langsung turut menyentuh konsep yang berkaitan dengan beberapa bidang linguistik terapan. Bidang-bidang yang dimaksudkan seperti *linguistik sejarawi* yang berkenaan dengan BA dan BM. Di samping menghuraikan juga secara sepintas lalu mengenai sejarah dan perkembangan kajian analisis kontrastif bahasa-bahasa, asal-usul bahasa secara am. Turut dihuraikan juga makna setiap perkataan kata nama BA dan BM melalui pendekatan morfologi.

## 1.8 Batasan Kajian

Penulis membatasi kajian ini kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kata nama BA dan BM melalui pendekatan berikut:

### *1-Bidang Morfologi*

Bidang morfologi merupakan bidang kajian tentang kata, sama ada dari segi pembentukan, jenis dan aspek-aspek lain yang berkaitan dengan perkataan. Dalam kaitan ini, penulis juga menghuraikan beberapa perkataan seperti *ism mawṣūl*, *ism isyārah*, *ism 'adad*, kata majmuk (*iḍāfat*) melalui pendekatan yang sama, iaitu dari aspek tunggal (*mufrad*), duaan (*tathniyat*) dan jamak, atau pembentukannya seperti pada kata majmuk dan *ism 'adad*.

### *2-Bidang Semantik*

Bidang semantik adalah bidang yang berkaitan dengan kajian makna. Kajian ini sangat penting, kerana akan menentukan makna perkataan sesuai dengan pola (*ṣiḡhat*) dan perubahan yang berlaku pada setiap bentuk perkataan.

### *3-Bidang Fonologi*

Bidang fonologi merupakan bidang kajian tentang bunyi-bunyi bahasa, dan fonologi juga merangkumi aspek fonetik serta pengagihan bunyi dalam perkataan.

Perlu ditegaskan bahawa kajian ini akan menghuraikan berbagai-bagai tajuk yang berkenaan dengan kata nama BA dan BM, dan dihuraikan secara ringkas. Oleh yang demikian setiap sub-sub tajuk kajian ini boleh dihuraikan lagi secara lebih luas, kerana penulis dalam kajiannya hanya mengenalkan pola

persamaan dan perbezaan kata nama dalam kedua-dua bahasa BA dan BM secara ringkas, melalui pendekatan morfologi kedua-dua bahasa.

## **1.9 Kerangka Kajian**

Tesis ini bertajuk “Kata Nama Bahasa Arab dan Bahasa Melayu: Satu Analisis Kontrastif” Bagi melakukan penyelidikannya, penulis telah merancang perbahasan-perbahasan seperti berikut:

### **Bab Satu**

Bab ini membicarakan tentang latarbelakang kajian, masalah kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, tinjauan kajian yang berkaitan, metyodologi penyelidikan, bidang kajian, batasan kajian dan kerangka tesis.

### **Bab Dua**

Dalam bab ini, penulis mengenalkan secara sekilas pandang sejarah mengenai bahasa Arab dan bahasa Melayu. Sebelum kedua-dua bahasa tersebut diperbandingkan, terlebih dahulu akan dibincangkan tentang asal-usulnya, rumpun-rumpunnya, penggolongannya, kedudukannya, penulisannya dan pengaruh bahasa-bahasa yang diperbandingkan.

### **Bab Tiga**

Dalam bab ini penulis menghuraikan secara am huruf huruf kedua-dua bahasa Arab dan Melayu, susunann, sebutan dan kesesuaian huruf BA terhadap maknanya.

## **Bab Empat**

Dalam bab ini, penulis menjelaskan pembahagian kata kedua-dua bahasa BA dan BM dengan memaparkan penggolongan kata BA menurut ahli nahu Arab klasik dan moden, di samping menghuraikan ciri-ciri perkataan BA dan BM. Selanjutnya penulis melakukan perbandingan bagi mengetahui persamaan dan perbezaannya.

## **Bab Lima**

Dalam bab ini, penulis menghuraikan huruf-huruf imbuhan pada kedua-dua bahasa (BA dan BM) yang dikenali sebagai *al-lawāṣiq al-dilāliyyat* pada BA, dan peranannya dalam menentukan makna, dan penulis menghuraikan juga jenis-jenis perkataan, sama ada digolongkan sebagai maskulin atau feminin, selanjutnya penulis melakukan perbandingan bagi mengetahui persamaan dan perbezaannya.

## **Bab Enam**

Dalam bab ini, penulis menghuraikan kata nama kedua-dua bahasa BA dan BM dilihat dari satu segi, iaitu terdapat kata nama yang dikenali sebagai kata nama jati (*jāmiḍ*). Yakni, setiap kata nama yang tidak memiliki kata akar, kemudian perkataan tersebut diperbandingan dengan kata nama BM, untuk mengetahui persamaan dan perbezaannya.

## **Bab Tujuh**

Dalam bab ini penulis menghuraikan perkataan nama yang berkaitan dengan kata terbitan (*musytāq*) pada kedua-dua bahasa BA dan BM. Selanjutnya perkataan tersebut diperbandingkan dengan perkataan yang sama dalam bahasa Melayu, bagi mengetahui persamaan dan perbezaannya.

## **Bab Lapan**

Dalam bab ini penulis menghuraikan secara ringkas tentang kesimpulan kandungan tesis, cadangan dan juga penutup.

### **1.10 Penutup**

Penulis dapat menyimpulkan bahawa dalam berbagai-bagai bahasa terdapat hubungan yang erat di samping terdapat pola persamaan dan perbezaannya. Fenomena ini ditimbulkan sejak zamannya “Isā AS (Lht. Mahmūd Jād al-Rabb .hal:3). Oleh yang demikian linguis-linguis Arab sejak dahulu lagi melakukan kajian perbandingan bahasa-bahasa bagi mengetahui secara pasti persamaan dan perbezaannya yang bertujuan bagi memudahkan pembelajaran bahasa sasaran. Aktiviti seperti ini dilakukan oleh linguis-linguis selepasnya baik dari kalangan Linguis Arab mahupun Barat sampai sekarang..